

6.00 petang, 24.1.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**KEJADIAN DI SUNGAI PERAI 23.1.2024:
PBAPP MENGERAKKAN 59 LORI TANGKI DAN 11 TANGKI FLEKSI “GAJAH”
UNTUK MEMBEKALKAN AIR KE KAWASAN YANG TERJEJAS**

PULAU PINANG, Rabu, 24.1.2024, 6.00 petang: PBAPP telah menggerakkan kumpulan 70 lori tangki air untuk menghantar air kepada pengguna domestik yang terjejas akibat kejadian di Sungai Perai.

Pecahan kumpulan lori tangki adalah seperti berikut:

Jenis lori tangki	Bil. unit
1. “Lori Tangki Jumbo” (50,000L)	10
2. “Lori Tangki Jumbo” (40,000L)	9
3. Tangki Fleksi “Gajah” (24,000L)	11
4. PBAPP (5,000 – 10,000L)	8
5. Pasukan Bomba Sukarela(PBS) (5,000L)	32
Jumlah	70

Kumpulan lori tangki kini ditempatkan di semua kawasan terjejas di DBD.

PBAPP juga telah mendapatkan bantuan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk menghantar lebih banyak lori tangki ke Pulau Pinang.

Sebagai tambahan kepada lori tangki, 11 “Tangki Fleksi Gajah” (24,000L) telah disediakan di kawasan strategik untuk menyimpan air untuk diambil oleh pengguna domestik yang terjejas.

PBAPP akan terus mengemaskini laman FB dan melalui siaran media.

Terima kasih.

Issued by : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my